



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

LAPORAN SIASATAN EAIC MENGENAI KEGAGALAN PIHAK JABATAN PERIKANAN (DOF) PULAU PINANG DALAM MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP ADUAN PENCEROBOHAN BOT-BOT PUKAT TUNDA ZON B KE ZON A

***UNTUK SIARAN SEGERA
16 JUN 2025***

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menerima aduan terhadap DOF Pulau Pinang melibatkan isu kegagalan dalam mengambil tindakan terhadap pencerobohan bot-bot pukat tunda Zon B ke Zon A. Siasatan ini dijalankan berdasarkan kepada aduan yang diterima mengikut subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

HASIL SIASATAN

Siasatan mendapati bahawa:

- a) keputusan pihak DOF Pulau Pinang untuk tidak membuka kertas siasatan terhadap aduan pencerobohan bot-bot pukat tunda tersebut adalah selari dengan Pekeliling dan Prosedur Operasi Standard (SOP) DOF yang ditetapkan;
- b) EAIC juga mendapati bahawa DOF Pulau Pinang telah gagal melaksanakan pemantauan yang sewajarnya terhadap pegawai/anggota penguat kuasa di bawah seliaannya. Lawatan dan pemeriksaan ke pangkalan penguatkuasaan DOF Pulau Pinang di Batu Maung hanya dilaksanakan sekali dalam tempoh setahun. Selain itu, pengurusan DOF Pulau Pinang juga didapati tidak peka terhadap tugas harian penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh pegawai/anggota bawahan serta

kekangan-kekangan yang dihadapi oleh pegawai anggota di pangkalan tersebut; dan

- c) DOF Pulau Pinang juga gagal memastikan butiran Buku-Buku Log Penguatkuasaan direkodkan dengan lengkap dan teratur oleh pegawai yang bertanggungjawab.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk merujuk hasil siasatan melibatkan isu kegagalan pemantauan pegawai/anggota sehingga menyebabkan tindakan penguatkuasaan yang tidak kompeten dan efektif kepada Ketua Jabatan DOF dengan cadangan seperti berikut:

- a) Surat teguran diberikan kepada pihak pengurusan tertinggi DOF Pulau Pinang yang terlibat atas kegagalan melaksanakan pemantauan secara berkesan;
- b) Syor hukuman tatatertib terhadap pegawai yang gagal memastikan butiran Buku-Buku Log Penguatkuasaan direkodkan dengan teratur;
- c) Penambahbaikan ke atas SOP aduan/siasatan/operasi DOF mengenai aduan-aduan yang menyertakan rakaman video sebagai bukti; dan
- d) Pelaksanaan kursus, latihan dan/atau refresher course secara menyeluruh kepada DOF Pulau Pinang, meliputi aspek pemahaman dan pematuhan terhadap SOP, Garis Panduan, Dasar, Arahan Tetap serta prosedur berkaitan tatacara penguatkuasaan, operasi dan pelesenan DOF.

#TAMAT#

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC) PUTRAJAYA

Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.